

Henti segera alibaba kontrak kerajaan: PM

BH-15/2/2007
Kajian menyeluruh kenal pasti punca, henti ketirisan

Oleh Amirullah Andi Nur

KOTA KINABALU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta usahawan Bumiputera menghentikan segera amalan mengalibabkan kontrak kerajaan supaya sasaran memajukan Bumiputera mencapai matlamatnya.

Sambil menyatakan rasa tidak senang hati kerana amalan itu menjadi cara hidup, Perdana Menteri mahu kajian diadakan bagi mengenal pasti punca dan menghentikan ketirisan.

"Biarlah kita kenal pasti supaya perkara ini tidak akan berlaku pada masa depan. Kalau berterusan, bermakna sasaran menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pembinaan tidak akan tercapai," katanya.


Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAB KK), di Tanjung Aru, dekat sini semalam.

Kelmarin, Abdullah dalam satu majlis di Bangi menyatakan kekezalannya kerana 85.37 peratus projek yang diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera, mengalami ketirisan hingga menyebabkan ia mengalir kepada kaum lain.

Kajian Ketirisan Kontraktor Bumiputera 2006 oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Kementerian Kerja Raya menunjukkan ramai kontraktor Bumiputera tidak memanfaatkan peluang yang disediakan untuk mereka.

Abdullah juga berkata tindakan kerajaan tidak lagi memberi peruntukan kepada kontraktor Bumiputera terbabit adalah berdasarkan rekod tidak baik mereka.

"Atas rekod, kita tengok nama Bumiputera, syarikat Bumiputera dan dia pun Bumiputera. Kita tidak mahu blok orang (tidak bagi kontrak), tetapi



SIBUK: Penumpang mendaftar masuk di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAB KK) yang siap diubah suai bernilai RM60 juta.

kerana rekod yang ada tidak elok.

"Jadi sekarang kita hendak memastikan perjanjian seperti ini (memberikan peruntukan kepada kepada pihak lain) dikurangkan sebanyak-banyaknya dalam masa terdekat ini," katanya.

"Dalam perkembangan lain Abdullah gembira dengan rancangan AirAsia X untuk mengadakan penerbangan terus dari Terminal 2 KKIA ke Macau, di Taiwan dan Kunming, di China.

"Terminal 2 ini bukan saja berupaya menampung penerbangan domestik tambang murah, malah menyediakan kemudahan bagi syarikat

“ Sekarang kita hendak memastikan perjanjian seperti ini (memberikan peruntukan kepada kepada pihak lain) dikurangkan sebanyak-banyaknya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

penerbangan yang bukan beroperasi mengikut tambang murah.

"Saya gembira AirAsia X merancang mengadakan penerbangan secara terus dari terminal ini ke destinasi antarabangsa seperti Macau dan Kunming," katanya.

Menjawab soalan lain, Abdullah mengesahkan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) akan menjalani penstrukturan semula dan kini masih dalam proses pelaksanaan.

"Kita berharap perubahan yang berlaku dapat meningkatkan keberkesanan setiap infrastruktur penting seperti lapangan terbang," katanya.